

Jumlah mangsa di pusat pemindahan meningkat di Terengganu, Kelantan

Banjir di 2 negeri semakin buruk

Oleh MUSTAPA LAKAWA
dan ADHAM SHADAN
berita@kosmo.com.my

KUALA TERENGGANU - Keadaan banjir di Terengganu dan Kelantan semakin buruk apabila jumlah mangsa yang dipindahkan ke pusat-pusat pemindahan terus bertambah semalam.

Jurucakap Majlis Keselamatan Negeri Terengganu berkata, seramai 2,717 orang telah ditempatkan di 46 buah pusat pemindahan di lima buah daerah di negeri tersebut.

Katanya, daerah paling terjejas teruk ialah Setiu apabila seramai 1,540 mangsa daripada 400 keluarga telah dipindahkan ke 16 buah pusat pemindahan.

Katanya, di daerah Besut, seramai 886 mangsa berada di 14 buah pusat pemindahan manakala Hulu Terengganu dengan 114 mangsa melibatkan lima pusat pemindahan.

"Kemaman dan Marang menjadi dua daerah baharu yang terjejas akibat banjir. Seramai 166 mangsa dipindahkan di Kemaman sementara Marang pula dengan 11 mangsa," katanya di



Banjir

INFO Talian kecemasan banjir

Bilik Gerakan Bencana Negeri
Terengganu **09-6316021**

Majlis Keselamatan Negeri
Melaka **06-2345555**

Majlis Keselamatan Negeri
Kelantan **09-7481173**

Majlis Keselamatan Negeri
Pahang **09-5161855**

sini semalam.

Jurucakap itu berkata, sebanyak 11 jalan terpaksa ditutup kepada semua kenderaan akibat dinaiki air mencecah 1.5 meter.

Antara yang terlibat ialah Jalan Batu 24-Pengkalan Ajal, Jalan Bukit Diman, Jalan Matang-Kuala Telemung di Hulu Te-

rengganu, Jalan Sungai Tong-Pelong, Jalan Permaisuri-Hulu Seladang di Setiu, Jalan Jerteh-Pasir Akar di Besut dan Jalan Tepus-Kuala Jengal di Dungun.

Sementara itu, di **Kota Bharu**, laman web rasmi e-Banjir negeri melaporkan, sehingga pukul 5 petang semalam mangsa yang dipindahkan ke pusat-pusat pemindahan di Kelantan berjumlah 1,184 orang.

Katanya, paras air di Sungai Golok, Rantau Panjang direkodkan pada 10.26 meter, melebihi paras bahaya iaitu 9 meter.

Di **Kuantan**, dua keluarga melibatkan 11 orang di Kampung Chendor di sini menjadi kumpulan pertama yang dipindahkan ke pusat pemindahan.

Ketua Polis Pahang, Datuk Sharifuddin Abdul Ghani berkata, mangsa berumur antara 11 hingga 63 tahun dipindahkan ke balai raya kampung itu selepas rumah mereka dinaiki air tengah malam semalam.



BEBERAPA penduduk terpaksa mengharung air semasa menuju ke pusat pemindahan banjir di Kampung Serungga, Repek, Pasir Mas semalam.

60 petani rugi RM500,000 akibat sawah dinaiki air

SETIU - Pengusaha tanaman padi di dua buah kampung di daerah ini mengalami kerugian hampir RM500,000 apabila padi yang sepatutnya boleh dituai rosak akibat dilanda banjir.

Nasib malang itu dialami oleh 60 orang pesawah di Kampung Tasek dan Kampung Buluh di sini yang melibatkan kawasan sawah seluas kira-kira 200 hektar.

Salah seorang mangsa, Ramli Mat Noor memberitahu, sepatutnya padi tersebut dituai sejak seminggu lalu tetapi dua buah mesin penuai yang disewa penduduk tidak dapat digunakan ekoran hujan lebat.

"Hanya kira-kira 15 hektar sawah dapat dituai sebelum banjir melanda empat hari lalu yang mengakibatkan tanaman kami rosak," katanya ketika ditemui di Kampung Buluh di sini semalam.

Jelasnya, petani di kawasan itu sudah biasa berdepan banjir namun lazimnya ia berlaku sekitar pertengahan Disember dan padi sempat dituai sebelum bencana itu berlaku.

"Tetapi air bah tahun ini datang tanpa kami duga menyebabkan kami hanya dapat menghitung hutang



RAMLI (kiri) dan Mohd. Johari menunjukkan padi yang rosak akibat banjir di Kampung Buluh, Setiu semalam.

dan kerugian yang harus ditanggung," katanya.

Seorang lagi pesawah, Mohd. Johari Deraman, 46, berkata, kebanyakan penduduk hanya bergantung kepada hasil padi untuk menyara hidup dan kejadian itu menyebabkan mereka hilang sumber pendapatan.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Asha'ari Idris berkata, beberapa lagi projek per-

anian dan ternakan di daerah ini dikhuatiri terjejas berikutan banjir.

Beliau berkata, antaranya adalah tanaman kelapa matag dan kelapa pandan di Gong Terap serta projek ternakan udang di kawasan seluas 1,000 hektar di Kampung Nyatuh.

"Setakat ini kawasan berkenaan masih selamat daripada banjir. Tetapi kita khuatir banjir semakin buruk dan inilah ujian bagi kita," katanya.

